



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

SISTEM PENGKALAN DATA MITI – CIMS – JADI RUJUKAN PDRM DI NEGERI-NEGERI YANG MENJALANI PKPB DAN PKPD

Berikutan pengumuman Perintah Kawalan Bersyarat (PKPB) serta Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokasi seluruh negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) ingin menyeru syarikat-syarikat di Malaysia untuk berdaftar di sistem pengkalan data perniagaannya yang dipanggil *COVID-19 Intelligent Management System (CIMS)*.

Pendaftaran ini adalah bagi memudahkan pemeriksaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang menggunakan sistem ini sebagai rujukan mereka sebelum memberi kebenaran beroperasi kepada syarikat-syarikat yang berkaitan.

Namun, MITI ingin menekankan bahawa pendaftaran di CIMS adalah sekadar sumber rujukan PDRM dan **bukan satu bentuk kelulusan beroperasi** secara automatik bagi syarikat-syarikat. Kelulusan untuk beroperasi adalah tetap mengikut keputusan pihak PDRM.

Manakala, bagi lokasi PKPB di Sabah, syarikat-syarikat daripada sektor-sektor Perkhidmatan Perlu yang telah diwartakan Kerajaan adalah amat digalakkan untuk berdaftar di CIMS. Senarai sektor-sektor ini boleh dirujuk di laman web Majlis Keselamatan Negara.

Syarikat-syarikat boleh membuat pendaftaran secara dalam talian melalui pautan notification.miti.gov.my. Bagi syarikat yang sudah membuat pendaftaran di versi CIMS terdahulu, mereka tidak perlu membuat permohonan sekali lagi. Syarikat yang mempunyai sebarang isu teknikal dengan pendaftaran boleh menghantar emel aduan kepada info@marij.my atau berhubung dengan MITI di laman media sosial MITI di Twitter, Facebook dan Instagram.



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Selain itu, MITI ingin mengingatkan syarikat-syarikat yang dibenarkan beroperasi agar mematuhi Prosidur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan bagi setiap sektor terlibat. Ini adalah seiring dengan akujanji yang dipersetujui syarikat semasa membuat permohonan di CIMS. Pematuhan ini juga wajib bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja sentiasa dilindungi.

Ketidakpatuhan SOP ini adalah satu kesalahan jenayah di bawah Peraturan 7 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 dan syarikat boleh dikenakan tindakan undang-undang.

-TAMAT-

Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)

Rabu, 7 Oktober 2020

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategi MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail alluks@miti.gov.my



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

LAMPIRAN 1

SENARAI SEKTOR PERKHIDMATAN PERLU YANG TELAH DIWARTAKAN SEPANJANG PERINTAH KAWALAN BERSYARAT (PKPB) DI SABAH

1. Perbankan dan Kewangan
2. Elektrik dan Tenaga
3. Bomba
4. Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemunggaran, pengangkutan laiter, pengendalian kargo pemaliman dan penyimpanan atau pemukalan komoditi
5. Pos
6. Penjara
7. Pengeluaran, Penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir
8. Jagaan kesihatan dan perubatan
9. Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
10. Pembentungan
11. Komunikasi radio termasuk penyiaran dan televisyen
12. Telekomunikasi
13. Pengangkutan melalui darat, air atau udara
14. Air
15. E-Dagang
16. Pertahanan dan Keselamatan
17. Pembekalan makanan
18. Hidupan liar
19. Imigresen
20. Kastam
21. Hotel dan Penginapan
22. Teknologi maklumat termasuk penyimpanan data di cloud (cloud storage and service), perisian data dan memori
23. Elektrikal dan elektronik termasuk semikonduktor
24. Apa-apa perkhidmatan, kerja atau industri sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kesihatan selepas berunding dengan pihak berkuasa yang mengawalselia perkhidmatan, kerja atau industri itu.

****Untuk maklumat lanjut sila layari www.mkn.gov.my***